

Minum pagi kakitangan kerajaan Terengganu 15 minit

UM-17/5/2007

KUALA TERENGGANU 16 Mei - Mulai 1 Jun, kakitangan awam di negeri ini dilarang minum pagi dan petang di luar kawasan pejabat bagi mengelak masalah ponteng ketika bertugas.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mokhtar Nong berkata, kakitangan awam hanya dibenarkan berbuat demikian di kantin pejabat dan masa yang dibenarkan untuk berbuat demikian hanya antara 15 hingga 20 minit.

Menurutnya, arahan itu meliputi kira-kira 13,000 kakitangan awam di ne-

geri ini termasuk badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Katanya, pekeling mengenai perkara itu akan diedarkan ke semua jabatan kerajaan dan kakitangan awam perlu mematuhiya bagi mengelakkan tindakan dikenakan terhadap mereka.

"Amalan yang dilakukan selama ini adalah kakitangan awam minum pagi antara pukul 9.30 atau 10 pagi.

"Apabila mereka minum pagi di luar kawasan pejabat, ia akan mengambil masa

yang lama. Kerajaan negeri mahu budaya ini diubah bagi mengelak masa mereka terbuang jika mengambil masa yang lama untuk minum pagi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Exco kerajaan negeri di Wisma Darul Iman di sini, hari ini.

Menurut Mokhtar, bagi pejabat kerajaan yang tidak mempunyai kantin, mereka digalakkan mewujudkan pantri di pejabat masing-masing untuk kakitangan membancuh minuman pagi dan

petang.

Katanya, sebagai permulaan beliau sendiri akan membuat pemantauan mengenai perkara itu ke atas pejabat-pejabat kerajaan yang terletak di Wisma Darul Iman dan Wisma Negeri.

Dalam hal ini, beliau turut mengarahkan ketua-ketua jabatan supaya membuat pemantauan ke atas kakitangan masing-masing supaya mereka patuh terhadap arahan berkenaan.

"Jika ada laporan mengenai kakitangan yang ingkar arahan berkenaan, tindakan

disiplin akan dikenakan terhadap mereka," katanya.

Menurutnya, walaupun masalah ponteng ketika waktu bertugas tidak serius di kalangan kakitangan awam di negeri ini, namun amalan minum pagi dan petang di luar kawasan pejabat perlu diubah supaya mereka tidak membuang masa terlalu lama untuk tujuan itu.

Bagaimanapun, katanya, kakitangan awam masih dibenarkan keluar untuk makan tengah hari di luar kawasan pejabat masing-masing.